

**NO. SOALAN: 63**

Lesen NFP (I) dan lesen NSP (I) yang telah dikeluarkan boleh digantung atau dibatalkan di bawah AKM 1998 apabila pemegang lesen didapati tidak mematuhi akta seperti tidak membayar apa-apa amaun (contohnya fi tahunan) yang dikehendaki oleh akta.

Ini kerana faktor-faktor kelangsungan (*sustainability*) operasi perniagaan kebiasaannya dikawal oleh kuasa pasaran dan kecekapan pengurusan yang mana ia berada di luar kawalan Kerajaan. Pengeluaran lesen *Network Facilities Provider* (NFP-I) dan lesen *Network Service Provider* (NSP-I) tidak menjamin kelangsungan operasi perniagaan pemegang-pemegang lesen.